

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Ruj. kami : UPSI/HEP/PPKG/638/44-16-003(97)  
Tarikh : 6 Oktober 2021  
29 Safar 1443H

Senarai seperti di **Lampiran A - J**

YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan,

**LANTIKAN SEBAGAI JAWATANKUASA GERAK KERJA KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE)**

Pertama saya mendoakan YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan dan keluarga di dalam keadaan sihat dan dilindungi Allah SWT setiap saat.

2. Sebagaimana YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, kebolehpasaran graduan (GE) memainkan peranan yang sangat signifikan dalam menjustifikasikan sistem pendidikan universiti. Ianya merupakan salah satu penanda aras (*Key Performance Index* - KPI) Pelan Strategik UPSI bagi Teras 2 (Keunggulan Graduan) serta salah satu indikator yang dinilai di peringkat kementerian.

3. Untuk makluman, melalui GE pihak universiti khususnya fakulti (pemilik program pengajian) dapat melihat keberkesanan sesuatu program pengajian dan boleh melakukan semakan kurikulum serta penambahbaikan berdasarkan pencapaian kebolehpasaran graduan bagi setiap program pengajian.

4. Rentetan daripada itu, amatlah wajar semua pihak memainkan peranan penting dalam memastikan GE UPSI mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak universiti dan kementerian. Melalui mandat Dato' Naib Canselor dalam Mesyuarat Pembentangan Pencapaian KPI Pelan Strategik UPSI pada 19 Ogos 2020, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE) telah diamanahkan supaya mendapat kerjasama daripada semua fakulti untuk menggerakkan GE di fakulti masing-masing. Justeru, sukacita dimaklumkan bahawa YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan telah dilantik sebagai **Jawatankuasa Gerak Kerja Kebolehpasaran Graduan (GE)** berkuat kuasa dari tarikh **1 Oktober 2021 sehingga 30 September 2022** (satu tahun).

5. Adalah diharapkan dengan pelantikan ini, YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan dapat memberi kerjasama dan sumbangan yang amat bermakna bagi memastikan GE UPSI mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh pihak universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi. YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan ditugaskan untuk:

- 5.1 Menghadiri bengkel/program berkaitan kebolehpasaran graduan yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan (EDGE);
- 5.2 Menyalurkan maklumat dan data status terkini bakal graduan / graduan yang akan berkonvokesyen pada tahun semasa kepada Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan (EDGE);
- 5.3 Menghebahkan kepada bakal graduan / graduan yang akan berkonvokesyen pada tahun semasa akan kepentingan mengisi Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 1 – sebelum konvokesyen dan SKPG 2 – selepas konvokesyen);


- 5.4 Mendapatkan status terkini bakal graduan / graduan yang akan berkonvokesyen pada tahun semasa (khususnya 'belum bekerja' pada SKPG 1) daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan (EDGE) dan memastikan bakal graduan / graduan agar mengemaskini status mereka di SKPG 2;
- 5.5 Bekerjasama dengan Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan (EDGE) dalam dalam hal-hal berkaitan kebolehpasaran graduan

6. Semoga dengan pelantikan ini, YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan dapat membantu dalam dalam gerak kerja GE di peringkat universiti khususnya di fakulti masing-masing agar mencapai KPI yang disasarkan. Tahniah dan syabas diucapkan di atas pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"UPSI NO. 1 PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. Ts. DR. SURIANI BINTI ABU BAKAR)**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Yang Menjalankan Fungsi  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k

1. Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan
2. Dekan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi
3. Dekan, Fakulti Pembangunan Manusia
4. Dekan, Fakulti Teknikal dan Vokasional
5. Dekan, Fakulti Sains Kemanusiaan
6. Dekan, Fakulti Sains dan Matematik
7. Dekan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
8. Dekan, Fakulti Muzik dan Persembahan
9. Dekan, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
10. Dekan, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
11. Dekan, Institut Pengajian Siswazah

## LAMPIRAN E

### JAWATANKUASA GERAK KERJA KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS Fakulti Sains dan Matematik

#### Ketua Jawatankuasa Gerak Kerja GE di Peringkat Fakulti

- 30) Dr. Muhammad Hakimi bin Mohd Kassim  
Jabatan Biologi  
Fakulti Sains dan Matematik

#### Ahli Jawatankuasa

- 31) Prof. Madya Dr. Faridah Lisa binti Supian  
Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)  
Fakulti Sains dan Matematik
- 32) Dr. Mohd Ikhwan Hadi bin Yaacob  
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Fakulti Sains dan Matematik
- 33) Dr. Omar Ayad Fadhil Al-Zuhairi  
Jabatan Fizik  
Fakulti Sains dan Matematik
- 34) Dr. Siti Nur Akmar Mohd Yazid  
Jabatan Kimia  
Fakulti Sains dan Matematik
- 35) Dr. Nurul Akmal binti Mohamed  
Jabatan Matematik  
Fakulti Sains dan Matematik
- 36) En. Mohd Fazli bin Abdlah  
Pembantu Tadbir (P/O)  
Jabatan Biologi  
Fakulti Sains dan Matematik